

# Militia Islam: Filipina sependapat

UM - 4 SEP 2001

MANILA 3 Sept. — Kerajaan Filipina hari ini sependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kumpulan militia Islam mempunyai hubungan dengan kumpulan pemisah tempatan.

“Manila menerima laporan perisikan beberapa bulan lalu bahawa kumpulan fundamentalis berpangkalan di Malaysia cuba bergabung dengan kumpulan Islam negara kita,”

kata jurucakap Presiden Gloria Macapagal Arroyo, Rigoberto Tiglao kepada wartawan.

Menurut Tiglao, pihak berkuasa Filipina telah diarah memeriksa dengan teliti penganjung dari negara-negara lain bagi memastikan bahawa mereka tiada kaitan dengan kumpulan Islam.

Akhbar-akhbar di Malaysia semalam memetik Dr. Mahathir sebagai berkata, kumpu-

lan yang mengelar diri mereka Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) telah menjalin hubungan dengan pejuang pemisah Filipina dan Indonesia bagi melancarkan perang dengan kerajaan masing-masing.

“Cita-cita mereka sangat besar bagi membentuk kerajaan Islam di Malaysia, Indonesia dan Filipina melalui kekerasan — tetapi ia tidak akan semudah itu,” kata Dr. Mahathir.

## dengan Dr. Mahathir

Tiglao berkata, istana Presiden telah menerima laporan bahawa Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF), mempunyai hubungan rapat dengan kumpulan fundamentalis di Malaysia.

Bagaimanapun jurucakap berkata, laporan itu tidak harus menjejaskan rundingan damai dengan MILF yang diperkuatkan dengan 12,500 anggota, yang berjuang di selatan Mindanao sejak 23 tahun lalu.

Pejuang MILF semalam disyaki menyerang hendap gabenor wilayah di Mindanao, menyebabkan enam pengawal peribadinya cedera.

Tiglao menambah, pasukan pemerhati gencatan senjata akan diminta menilai dakwaan itu dan menyerahkan laporan kepada Manila.

“Kita perlu mengadakan rundingan dengan niat baik,” katanya. — AFP